

# **PELAN STRATEGIK**

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA

## **2013 - 2015**

## **PELAN STRATEGIK INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA 2013 - 2015**

**© Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) 2013**

IPPBM adalah sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, institusi ini akan melaksanakan pelbagai jenis program penyelidikan dan latihan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujudkan program penyelidikan dan latihan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.



Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia  
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia  
Aras 10, Menara KBS, No.27 Persiaran Perdana  
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62570 Putrajaya, Malaysia  
Tel : +603-8871 3705  
Faks : 603-8871 3342  
E-mel : [info@ippbm.gov.my](mailto:info@ippbm.gov.my)  
Laman web : [www.ippbm.gov.my](http://www.ippbm.gov.my)



# STRATEGIK

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

## 2013-2015

### ISI KANDUNGAN

- |    |                                       |
|----|---------------------------------------|
| 2  | PRAKATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF IPPBM |
| 4  | PENDAHULUAN                           |
| 5  | SEJARAH PENUBUHAN IPPBM               |
| 6  | PUNCA KUASA IPPBM                     |
| 7  | FUNGSI IPPBM                          |
| 8  | FALSAFAH UMUM IPPBM                   |
| 9  | PEMEGANG TARUH IPPBM                  |
| 10 | CARTA ORGANISI IPPBM                  |
| 12 | SENARIO PERUBAHAN PERSEKITARAN IPPBM  |
| 15 | VISI DAN MISI IPPBM                   |
| 16 | OBJEKTIF PELAN STRATEGIK IPPBM        |
| 17 | STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN           |
| 30 | KOD ETIKA IPPBM                       |
| 33 | HALATUJU PELAN STRATEGIK IPPBM        |
| 34 | PENUTUP                               |

# PRAKATA

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF IPPBM

Alhamdulillah dengan izin Allah s.w.t Pelan Strategik IPPBM 2013 – 2015 ini berjaya dihasilkan sebagai wadah hala tuju yang memperjelaskan iltizam Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) sebagai sebuah institut penyelidikan belia dan sumber rujukan utama dalam isu dan fakta belia.



Kenyataan misi IPPBM dalam merealisasikan visi IPPBM untuk **Menjadi Institusi Penyelidikan Dan Pusat Rujukan Ternama Mengenai Belia** menuntut pengukuhan pasukan kerja IPPBM bagi memantapkan perkhidmatan kajian dan penyelidikan melalui aktiviti penyebarluasan hasil dapatan penyelidikan sebagai asas menjana pembangunan belia. Pelan Strategik IPPBM 2013 – 2015 ini berteraskan lima Objektif Strategik iaitu memantapkan pengendalian penyelidikan pembangunan belia; menjadikan IPPBM sebagai pusat rujukan utama pembangunan belia; membangunkan sistem sokongan penyelidikan pembangunan belia; meningkatkan sumber pembiayaan penyelidikan pembangunan belia dan memantapkan kapasiti organisasi untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan IPPBM. Kelima-lima objektif yang digariskan tersebut adalah merupakan inti pati hasrat institut ini ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan ke tahap yang paling optimum.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan Pelan Strategik IPPBM akan hanya berhasil melalui semangat kerja berpasukan yang mantap dan berkualiti untuk mencapai kejayaannya. Ia juga menuntut perubahan sikap dan kaedah serta budaya bekerja bagi menyesuaikan penelitian kerja yang kini mencabar dalam era transformasi. IPPBM juga berhasrat untuk bekerjasama dengan semua pihak yang terlibat dalam penghasilan idea, perkongsian sumber data, penyelidikan, pelaksanaan program sokongan penyelidikan ke arah kejayaan pelaksanaan pelan strategik ini menjelang tahun 2015.

Semoga pemantapan perkhidmatan institut ini menerusi kewujudan dokumen Pelan Strategik IPPBM 2013 – 2015 akan dapat menyumbang kepada pembangunan belia positif pada masa kini dan akan datang.




**Dr. Wasitah Hj Mohd Yusof**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM)

# PENDAHULUAN

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) adalah sebuah pusat penyelidikan nasional yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668) yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Bagi mencapai matlamatnya, institut ini melaksanakan pelbagai jenis penyelidikan, program sokongan penyelidikan, penerbitan dan mewujudkan pangkalan data mengenai belia.



# SEJARAH

## PENUBUHAN IPPBM

IPPBM telah dilancarkan pada 15 Mei 2005 oleh mantan Perdana Menteri, Y.A.Bhg. Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi bersempena Hari Belia Negara. Penubuhan IPPBM ini sejarah dengan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional Teras ke Sepuluh iaitu Teras Penyelidikan dan Pembangunan.

Berdasarkan kepada Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 Bahagian VII Perkara 55 (1), IPPBM ditubuhkan sebagai badan berkanun yang bertindak sebagai pusat penyelidikan pembangunan belia kebangsaan. IPPBM bertanggungjawab untuk menganalisis, menilai dan membuat syor mengenai aktiviti belia yang dianjurkan oleh pertubuhan belia, badan kerajaan, organisasi bukan kerajaan atau mana-mana organisasi sektor swasta yang lain. Di samping itu, IPPBM juga bekerjasama, menyelaras dan menyertai program atau aktiviti pembangunan belia yang berkaitan dengan penyelidikan yang dianjurkan oleh organisasi kebangsaan atau antarabangsa.

Pada bulan Julai 2008 ditubuhkan secara rasmi sebagai sebuah Badan Berkanun berdasarkan waran yang dikeluarkan oleh JPA dengan kapasiti 13 perjawatan daripada 44 perjawatan yang dipohon.

15  
MEI 2005

IPPBM telah dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri, Y.A.Bhg. Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi

JULAI 2008

Ditubuhkan secara rasmi sebagai sebuah Badan Berkanun

# PUNCA KUASA

IPPBM

01

Akta Pertubuhan Belia  
Dan Pembangunan Belia  
2007 (Akta 668).

02

Kementerian Belia Dan  
Sukan (Pelan Strategik KBS  
2010-2015: Teras Ketujuh).



# FUNGSI

IPPBM



Bertindak sebagai pusat penyelidikan pembangunan belia kebangsaan;

Mengumpul, mengurus dan menyebarkan maklumat dan menyelenggarakan rekod semua perkara berkaitan yang berhubung dengan pembangunan belia;

Menjalankan, memudahkan atau membiayai penyelidikan yang berkaitan dengan pembangunan belia;

Mengadakan perkhidmatan teknikal, nasihat, perundingan dan perkhidmatan yang berkaitan berkenaan dengan pembangunan belia;

Mewujudkan dan mengekalkan hubungan dan kerjasama dengan lain-lain institusi yang berkaitan di dalam dan luar Malaysia bagi tujuan mempertingkatkan pembangunan belia;

Menganalisis, menilai dan membuat syor mengenai aktiviti belia yang dianjurkan oleh pertubuhan belia, badan kerajaan, organisasi bukan kerajaan atau mana-mana organisasi sektor swasta yang lain;

Menjalankan program bercorak pendidikan dan kesedaran untuk menggalakkan pembangunan belia;

Untuk bekerjasama, menyelaras dan menyertai dalam program atau aktiviti pembangunan belia yang berkaitan dengan penyelidikan yang dianjurkan oleh organisasi kebangsaan atau antarabangsa;

Untuk melakukan apa-apa perkara lain yang didapati patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsi dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

# FALSAFAH UMUM

IPPB

01

Menerajui penyelidikan berteraskan pembangunan belia.

02

Menggembangkan tenaga dan kepakaran bagi menghasilkan penyelidikan mengenai belia secara holistik.

03

Menyebarluaskan hasil penyelidikan kepada pemegang taruh.

# PEMEGANG TARUH


## IPPBPM


Hubungan antara IPPBM dengan Pemegang taruh :



# CARTA ORGANISASI

IPPB  
IPPB  
IPPB  
IPPB





# SENARIO PERUBAHAN

## PERSEKITARAN IPPBM

Apabila penyelidikan menjadi keutamaan dalam sesebuah entiti, keperluan cabang penyelidikan untuk menguruskan dan memudahkan aktiviti penyelidikan menjadi penting. IPPBM memerlukan sokongan dari pelbagai arah untuk mengekalkan kedudukan sebagai pusat penyelidikan pembangunan belia serta berada setaraf dengan kedudukan di peringkat antarabangsa. Ini kerana IPPBM tidak terkecuali dalam menghadapi cabaran untuk berusaha menjadi pusat rujukan terunggul dalam bidang pembangunan belia di Malaysia. Antara cabaran-cabarannya yang dihadapi adalah seperti berikut :

### i. Pemantapan Kualiti Penyelidikan.

Bidang penyelidikan dilihat sebagai satu bidang yang sangat penting kerana ia merupakan satu bidang yang dapat menggerakkan hala tuju, interpretasi dan pemahaman dalam konteks senario pembangunan belia di Malaysia. Dalam memperkasakan penyelidikan sebagai teras utama dalam IPPBM, Bahagian Penyelidikan telah mensasarkan sebanyak 42 kajian antara tahun 2013 sehingga 2015.

IPPBM sentiasa memastikan kecermerlangan dalam penyelidikan sebagai pakar rujuk utama dalam aspek pembangunan belia dengan membina kepakaran dalaman dengan pelbagai bidang penyelidikan. Penyelidik dalaman di IPPBM diberi latihan dan pendedahan kepada perkembangan penyelidikan sains sosial terkini dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kecekapan, kemahiran dan keterampilan dalam menjalankan penyelidikan.

Selain itu, IPPBM juga mengadakan kolaborasi strategik dalam penyelidikan bersama tenaga pakar dari pelbagai dimensi pembangunan belia. IPPBM juga mendapatkan khidmat dari pelbagai organisasi kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) bagi mendapatkan data berkaitan belia sebagai input penyelidikan. Seterusnya, data-data tersebut dimasukkan ke dalam sistem pangkalan data Profil Belia Negara yang diuruskan oleh IPPBM untuk memudahkan rujukan mana-mana pihak yang berkaitan. Kerjasama yang dibentuk ini dapat membantu IPPBM menghasilkan penyelidikan yang mantap dan sahih.

### ii. Pemantapan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan IPPBM.

Kerjasama dari semua pihak yang terlibat dalam usaha pembangunan belia ini adalah penting dalam usaha pemantapan kualiti penyampaian perkhidmatan IPPBM. Usaha memperluaskan rangkaian perhubungan bersama institusi kajian di dalam dan luar negara, universiti-universiti, badan-badan kerajaan dan

juga organisasi swasta dapat meluaskan kapasiti IPPBM dalam perhubungan, di samping dapat menjalankan hubungan baru dalam melaksanakan program yang lebih menarik dan meluas. Selain itu, IPPBM juga sentiasa memantau gerak kerja dan cara penyampaian maklumat terhadap golongan sasaran seperti menjalankan promosi dan publisiti untuk program-program intelektual anjuran IPPBM.

Selain itu, IPPBM sentiasa berusaha membuat publisiti dalam memasarkan kepakaran penyelidik dalaman dalam memberi perkhidmatan penyelidikan kepada organisasi luar dan hasil penyelidikan yang boleh dipasarkan. Aktiviti ini bukan sahaja dapat meluaskan skop penyelidikan, malahan dapat membawa nama IPPBM ke arena global. Kaedah pemasaran kepakaran perkhidmatan ini dijangkakan akan dipromosikan melalui kaedah manual (diwar-warkan semasa pameran / program / aktiviti) ataupun secara online (diwar-warkan melalui portal / social network) tentang perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan.

Bahan penerbitan oleh IPPBM juga berperanan dalam memantapkan kualiti penyampaian perkhidmatan di IPPBM. Dengan kewujudan pemasaran bahan terbitan IPPBM melalui leaflet, flyers, dibawa semasa pameran / program / aktiviti dapat membantu dalam usaha tersebut. Pendekatan dengan menyertai pameran buku di peringkat kebangsaan untuk memberi ruang pasaran kepada bahan-bahan penerbitan IPPBM kepada masyarakat juga diambilkira. Selain itu, pihak Unit Komunikasi Korporat dan Unit Penerbitan sentiasa cuba untuk mendapatkan ruang dalam menyertai pameran buku antarabangsa agar produk IPPBM boleh dipromosikan secara global.



### iii. Permintaan Tinggi Terhadap Penyelidikan Pembangunan Belia

Malaysia kini semakin peka terhadap pembangunan belia dari aspek sosioekonomi, politik dan isu semasa. Pelbagai peruntukan diberikan oleh kerajaan untuk tujuan tersebut. Justeru, KBS diamanahkan untuk memastikan pembangunan belia di Malaysia berada dalam keadaan yang positif bagi melahirkan belia yang mampu memberi imej yang baik kepada negara. Melalui inisiatif penglibatan organisasi kerajaan dan NGO dalam bidang pembangunan belia, secara langsung telah menjadikan permintaan terhadap penyelidikan di IPPBM semakin meningkat. Ini kerana outcome penyelidikan tersebut menjadi rujukan dalam menggubal dasar dan polisi belia serta merangka dan merancang program pembangunan belia.

Menerusi Pelan Strategik IPPBM 2013–2015, institut ini berpeluang untuk meningkatkan sumber manusia, tanggungjawab



dan kepakaran dalam penyelidikan pembangunan belia. Dengan pertambahan kapasiti sumber manusia khususnya, IPPBM dapat memenuhi permintaan penyelidikan dari semasa ke semasa terutamanya penyelidikan isu semasa yang memerlukan tempoh kajian yang singkat.

Kecanggihan teknologi kini telah membolehkan IPPBM menjalankan kaedah kajian secara online iaitu dengan menggunakan responden dari sumber pangkalan Profil Belia Negara yang diwujudkan. Pelaksanaan kajian secara online mengambil kira perwakilan populasi belia di Malaysia dan memenuhi tatacara pensampelan yang telah ditetapkan serta hasil kajian dapat menggambarkan populasi belia di Malaysia. Selain itu, kaedah ini lebih mudah dan cepat serta menjimatkan masa.

#### **iv. Platform Menyampaikan Suara Belia Melalui Perbincangan Intelektual.**

IPPBM berusaha untuk mengenal pasti isu serta persepsi generasi muda dalam menangani masalah belia melalui perbincangan intelektual dalam pelbagai bentuk seperti Persidangan Meja Bulat, wacana, forum, seminar dan sebagainya.

Menerusi program tersebut, IPPBM mendengar dan mengkaji aliran pemikiran belia dalam semua isu yang berkaitan dengan pembangunan negara yang melibatkan belia. Justeru itu, IPPBM memberi khidmat nasihat serta mengambil perhatian pihak yang terlibat dengan penggubalan polisi yang melaksanakan pembangunan belia dalam menangani generasi muda yang milenium menerusi resolusi atau rumusan yang berhasil dari program yang dianjurkan. Malah resolusi atau rumusan tersebut juga dibawa ke peringkat tertinggi KBS seperti nota jemaah menteri dan menjadi rujukan kepada pegawai belia dan sukan.



# VISI DAN MISI

IPPB M

## VISI

Menjadi institusi penyelidikan dan pusat rujukan ternama mengenai belia.


## MISI

Menghasilkan dapatan penyelidikan sebagai asas menjana pembangunan belia.



# OBJEKTIF PELAN STRATEGIK

## IPPBM



# STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

## IPPBM

Lima Objektif Strategik yang telah dikenal pasti bagi membantu IPPBM mencapai visi dan misi yang ditetapkan. Objektif strategik tersebut adalah seperti berikut :

### OBJEKTIF STRATEGIK PERTAMA

Memantapkan Pengendalian Penyelidikan Pembangunan Belia.

### OBJEKTIF STRATEGIK KEDUA

Menjadikan IPPBM sebagai Pusat Rujukan Utama Pembangunan Belia.

### OBJEKTIF STRATEGIK KETIGA

Membangunkan Sistem Sokongan Penyelidikan Pembangunan Belia.

### OBJEKTIF STRATEGIK KEEMPAT

Meningkatkan Sumber Pembiayaan Penyelidikan Pembangunan Belia.

### OBJEKTIF STRATEGIK KELIMA

Memantapkan Kapasiti Organisasi untuk Meningkatkan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan IPPBM.



## **Objektif Strategik Pertama:** Memantapkan Pengendalian Penyelidikan Pembangunan Belia.

Objektif Strategik Pertama bagi pelan strategik ini mempunyai tiga strategi utama iaitu memastikan pengurusan penyelidikan pembangunan belia sebagai agenda utama organisasi, memastikan pelaksanaan penyelidikan pembangunan belia sebagai agenda utama organisasi dan memastikan penilaian penyelidikan pembangunan belia sebagai agenda utama organisasi.

Dalam memperkasakan penyelidikan sebagai teras utama dalam IPPBM, Bahagian Penyelidikan telah mensasarkan sebanyak 42 kajian antara tahun 2013 sehingga 2015 dengan memberi fokus kepada 4 bentuk kajian iaitu:

### **1. Fundamental Research (Penyelidikan Asas Gunaan)**

Fundamental research juga dikenali sebagai basic research merupakan permulaan sesuatu penyelidikan yang melihat sesuatu fenomena atau isu/situasi sebelum melaksanakan penyelidikan selanjutnya. Pada kebiasaananya, penyelidikan kategori ini dilaksanakan bertujuan untuk menguji sesuatu teori. Penyelidikan kategori ini mempunyai orientasi yang lebih umum. Sebagai contoh penyelidikan yang dilaksanakan ialah Indeks Belia Malaysia 2006 dan Pemetaan Belia Malaysia 2007.

### **2. Applied and Action Research (Penyelidikan Penilaian dan Tindakan)**

Penyelidikan kategori ini dilaksanakan selepas penyelidikan asas dijalankan oleh penyelidik sebelumnya atau kajian sebelum ini. Penyelidikan ini dilaksanakan bagi mengenal pasti impak sesuatu fenomena atau teori ke atas sesuatu isu. Pada kebiasaananya, topik bagi penyelidikan gunaan dipandu oleh masalah semasa yang menjadi perhatian pembuat polisi. Sebagai contoh penyelidikan yang dilaksanakan ialah Indeks Belia Malaysia 2008 dan 2011 dan Kajian Ke Atas Dasar Belia Negara.

Secara amnya, penyelidikan kategori ini dijalankan untuk menyelesaikan masalah serta-merta atau untuk mengubah dan menambah baik amalan sedia ada. Ini

bermakna, Penyelidikan Tindakan bukan sahaja membantu memahami amalan serta menambah baik amalan, malah ia membantu menyesuaikan amalan dengan perubahan yang berlaku, ini bagi meningkatkan strategi, amalan dan pengetahuan. Contoh penyelidikan yang dilaksanakan ialah Kajian Impak dan Keberkesanan Program-program/Fizikal Kementerian Belia dan Sukan dan Agensi-agensinya.

### **3. Exploratory Research (Penyelidikan Tinjauan)**

Exploratory Research atau Penyelidikan Tinjauan ini dilaksanakan untuk mengkaji sesuatu masalah, fenomena atau hal baru yang bertujuan untuk mengetahui, menganalisaataumerungkaimasalah dan fenomena yang ingin dikaji. Penyelidikan kategori ini secara langsung mencari sesuatu yang baru dan menyingkap rahsia yang terkandung dalam domain ilmu tersebut. Penyelidikan ini biasanya dilakukan berhubung dengan pemasaran atau apabila mengkaji fenomena sosial. Sebagai contoh Kajian Tinjauan ke Atas Semangat Patriotik dalam kalangan Belia.

Setiap penyelidikan yang dijalankan oleh IPPBM berupaya menjadi satu indikator terbaik dalam mengukur keberkesanan serta penambahbaikan kepada program pembangunan belia sekali gus membantu pelaksana dalam melahirkan belia yang berpotensi dalam pelbagai aspek aliran pembangunan belia.

### Objektif Strategik Pertama: Memantapkan Pengendalian Penyelidikan Pembangunan Belia.

STRATEGI	TINDAKAN/ AKTIVITI	INDIKATOR PENCAPAIAN	TAHUN SASARAN	SASARAN IMPAK	TANGGUNGJAWAB / RAKAN STRATEGIK
1. Memastikan <b>pengurusan</b> penyelidikan pembangunan belia sebagai agenda utama organisasi. 2. Memastikan <b>pelaksanaan</b> penyelidikan pembangunan belia sebagai agenda utama organisasi. 3. Memastikan <b>penilaian</b> penyelidikan pembangunan belia sebagai agenda utama organisasi.	1. Memperkasaan Bidang Penyelidikan 2. Melaksanakan penyelidikan yang signifikan iaitu: a. Asas pembentukan dasar. b. Asas penilaian, pengukuran dan penambahbaikan program pembangunan belia.	Fundamental Research (6 kajian) Applied Research (15 kajian) Action Research (15 kajian) Exploratory Research (6 kajian)	2013-2015	Penghasilan dapatan bagi membantu pelaksana dalam melahirkan belia yang berpotensi.	Agensi di bawah Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia NGO.



## **Objektif Strategik Kedua : Menjadikan IPPBM sebagai Pusat Rujukan Utama Pembangunan Belia.**

Sebagai langkah asas kepada perancangan agenda pembangunan belia di Malaysia, IPPBM berperanan menjalankan fungsi teras iaitu penyelidikan dalam usaha menjadi organisasi ini sebagai pusat rujukan ternama bagi semua pihak yang terlibat dalam usaha tersebut terutama sekali KBS. Justeru, IPPBM menggariskan 5 strategi utama di bawah Objektif Strategik Kedua ini iaitu menjadikan IPPBM sebagai pakar rujuk utama pembangunan penyelidikan berkaitan belia; memperkuuhkan pangkalan data belia; memperkasakan pangkalan data antara bahagian di KBS; menyebarluaskan maklumat, hasil kajian dan data belia serta memperkasakan pangkalan data antara bahagian di KBS.

Objektif strategik ini memfokuskan kepada pemantapan dari aspek membina kepakaran dalam penyelidikan di IPPBM dengan mewujudkan kolaborasi pasukan pakar rujuk yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang di bawah aspek pembangunan belia. Malah, penyelidik dalam IPPBM juga diberi latihan dengan mengikuti perkembangan semasa dunia penyelidikan supaya hasil penyelidikan yang mantap dapat digunakan dalam pembentukan asas dasar pembangunan belia serta pembentukan program pembangunan belia. Bagi memastikan kecemerlangan penyelidikan, IPPBM juga sentiasa memastikan penghasilan inovasi yang bermanfaat kepada belia menerusi hasil penemuan/output kajian yang dijalankan. Selain daripada itu, IPPBM juga mengadakan perkhidmatan teknikal, nasihat, perundingan dan perkhidmatan berkaitan pembangunan belia.

IPPB juga menggembungkan tenaga dengan pelbagai pihak yang menghasilkan data bagi tujuan memperkuuhkan pangkalan data belia. Sebagai asas penyelidikan, kewujudan pangkalan data belia yang komprehensif merupakan perkara yang perlu dibentuk bagi memudahkan penggunaan data belia dalam menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan seperti mendapatkan responden dalam kajian dan sebagainya. Selain itu, pangkalan data yang kukuh juga dapat memperteguh kredibiliti organisasi IPPBM seterusnya mampu menjadi sokongan kepada badan induk pembangunan belia iaitu KBS menerusi usaha merangka dan merancang pembentukan dasar mahupun penganjuran program bersama belia seperti mana yang tertera dalam Teras Strategik Ketujuh Pelan Strategik KBS 2010-2015, iaitu ‘Pemantapan Penyelidikan Pembangunan Belia dan Sukan’.

Pengumpulan dan penyebarluasan luas maklumat data oleh IPPBM juga dititikberatkan dalam memastikan kualiti IPPBM sebagai Pusat Rujukan Utama Pembangunan Belia. Di bawah tanggungjawab Unit Komunikasi Korporat IPPBM, sentiasa memastikan kaedah yang sesuai digunakan dalam aktiviti mengumpul dan menyebarluaskan data mahupun pelbagai informasi yang berguna dalam usaha pembangunan belia. Sebagai contoh menerusi media sosial terkini, penerbitan, terlibat dalam pameran yang dianjurkan oleh IPPBM mahupun pihak luar serta mengadakan latihan mahupun program intelektual.



## Objektif Strategik Kedua : Menjadikan IPPBM sebagai Pusat Rujukan Utama Pembangunan Belia.

STRATEGI	TINDAKAN/ AKTIVITI	INDIKATOR PENCAPAIAN	TAHUN SASARAN	SASARAN IMPAK	TANGGUNGJAWAB / RAKAN STRATEGIK
1. Menjadikan IPPBM sebagai pakar rujuk utama pembangunan Penyelidikan berkaitan belia.	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Membina kepakaran dalam pelbagai penyelidikan pembangunan belia.</li> <li>2. Latihan mengenai perisian penyelidikan terkini (internal dan external).</li> </ul>	Bilangan permintaan untuk tujuan rujukan.	2013-2015.	Peningkatan permintaan perkhidmatan sebagai pakar rujuk pembangunan belia.	IPPBM.
2 Memperkuatkan data pangkalan data belia.	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Menjalankan kerjasama dengan agensi-agensi serantau dan antarabangsa) yang mempunyai data berkaitan belia.</li> <li>2. Menjalankan kerjasama dengan institusi-institusi pengajian tinggi (serantau dan antarabangsa) yang mempunyai data berkaitan belia.</li> <li>3. Melaksanakan data mining menggunakan ICT.</li> </ul>	Bilangan Pangkalan Data Belia yang ada di IPPBM.	2013-2015.	Peningkatan jumlah pangkalan data belia yang ada.	IPPBM/Semua Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun/NGO.

**Objektif Strategik Kedua : Menjadikan IPPBM sebagai Pusat Rujukan Utama Pembangunan Belia.**

STRATEGI	TINDAKAN / AKTIVITI	INDIKATOR PENCAPAIAN	TAHUN SASARAN	SASARAN IMPAK	TANGGUNGJAWAB / RAKAN STRATEGIK
4. Memperkasakan pangkalan data antara bahagian di KBS.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memperbaikalkan pengumpulan maklumat &amp; data penyelidikan di peringkat dalaman KBS melalui pameran dan publisiti dalam program yang dianjurkan oleh KBS/ agensi.</li> <li>2. Menggalakkan perkongsian maklumat &amp; data penyelidikan di peringkat dalaman KBS melalui pengajuran konvensyen, pengajuran atau bengkel.</li> </ol>	Bilangan maklumat dan data penyelidikan yang dikumpulkan secara berkala (12 kali setahun).	2013-2015.	Peningkatan bilangan maklumat & data penyelidikan.	Semua kementerian di bawah jawatankuasa Pembangunan Belia.
5. Menyebarluaskan maklumat, hasil kajian dan data belia.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempromosikan secara berkala dan konsisten di media massa dan media alternatif seperti di ruangan/ sisipan akhbar, slot televisyen dan radio/pameran.</li> <li>2. Menjadi penaja atau pengajur bersama agensi lain dalam mengadakan program belia.</li> <li>3. Menyebarluaskan penggunaan data diperoleh IPPBM dalam bentuk latihan / bengkel / seminar / penerbitan.</li> </ol>	Peningkatan bilangan dan kepelbagaiannya data belia yang ada di Pangkalan Data IPPBM.	2013-2015.	<p>IPPB/Semua Agensi Kerajaan dan Badan Berkamuni/NGO.</p> <p>Peningkatan kesedaran penggunaan hasil penyelidikan untuk pembangunan belia.</p>	<p>Peningkatan entri ke portal.</p> <p>Pengaksesan data belia yang lebih mudah.</p> <p>Peningkatan kesedaran penggunaan hasil penyelidikan untuk pembangunan belia.</p>

### Objektif Strategik Ketiga : Membangunkan Sistem Sokongan Penyelidikan Pembangunan Belia.

Menerusi kewujudan satu pendekatan yang lebih komprehensif dan berkesan, aktiviti yang terdapat dalam Objektif Strategik Ketiga ini dapat membantu dalam usaha memperkasakan pangkalan data belia. Pangkalan ini dapat membantu IPPBM melihat profil psiko grafik belia dan dapat mendiagnosis dengan lebih mendalam dalam sesuatu kawasan, sebagai contoh pendekatan ‘*in-situ Development*’ dilihat sebagai pendekatan yang terbaik dalam memberi gambaran sebenar situasi berkaitan belia.

Perolehan data belia dari pelbagai organisasi kerajaan dan bukan kerajaan menyokong dalam memantapkan pengumpulan data statistik yang terdapat dalam sistem pangkalan data Profil Belia Negara yang diusahakan. Usaha tersebut adalah bagi memastikan IPPBM berperanan sebagai pusat data (*data centre*) kepada semua pihak yang berkaitan. Dalam usaha membentuk IPPBM sebagai pusat data, adalah perlu IPPBM menjalankan kerjasama yang mantap dengan pelbagai agensi yang berkaitan. Oleh itu, menerusi Objektif Strategik ini, IPPBM akan melaksanakan Perjanjian Persefahaman (MOU) dengan pihak-pihak yang berkaitan seperti Institusi Pengajian Tinggi, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sebagainya.

IPPB Memerlukan satu platform (sistem) yang dapat mengumpul dan menyimpan keseluruhan data di IPPBM (*data mining*) yang mana data yang diperoleh adalah daripada hasil kajian atau statistik. Dengan adanya platform tersebut akan memudahkan proses penyimpanan dan pengeluaran data dilaksanakan.

Selain itu, bagi memastikan setiap maklumat dan data penyelidikan yang dilaksanakan oleh IPPBM atau mana-mana pihak dapat disebarluaskan, maka IPPBM mengorak langkah dengan melaksanakan program berbentuk ilmiah dan intelektual seperti Persidangan Meja Bulat, Wacana Ilmu, Forum, Konvensyen dan sebagainya.



### Objektif Strategik Ketiga : Membangunkan Sistem Sokongan Penyelidikan Pembangunan Belia.

STRATEGI	TINDAKAN/ AKTIVITI	INDIKATOR PENCAPAIAN	TAHUN SASARAN	SASARAN IMPAK	TANGGUNGJAWAB / RAKAN STRATEGIK
1. Memperkasakan pangkalan data antara bahagian di KBS.	1. Mewujudkan program yang menyokong khidmat perundingan penyelidikan seperti: a. Mobile Research Advisory Team (MoRAD). b. Program Mentor. c. In-Situ Development. d. Fasilitasi penyelidikan.	Bilangan yang hadir meminta Khidmat Rundingan dan Nasihat.	2013-2015.	Gambaran sebenar situasi berkaitan belia.	IPTA/IPTS, integrated approach.
2. Research Trouble Shooting: establishing subject matter expert.	1. Mendiagnosis situasi sebenar berkaitan belia melalui penyelidikan empirikal seperti: a. Mewujudkan pasukan khas untuk tujuan trouble shooting: Team SME (Subject Matter Expert). b. Mengadakan hari bertemu Pelanggan Secara mingguan. c. Outreach programme.	Bilangan pokar dalam mendiagnosis isu-isu belia.	2013-2015	Perkakasan Tool/kit ke arah penyelesaian masalah pengenapstian dan penyelesaian masalah	IPTA/IPTS, integrated approach

### Objektif Strategik Keempat : Meningkatkan Sumber Pembiayaan Penyelidikan Pembangunan Belia.

Pada dasarnya, IPPBM berperanan sebagai agensi yang berfungsi sebagai pusat penyelidikan nasional dalam mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda. IPPBM dilihat sebagai platform terbaik menyuburkan budaya penyelidikan khususnya aspek pembangunan belia. Oleh yang demikian dalam mencapai objektif empat ini, IPPBM akan meningkatkan sumber pembiayaan penyelidikan pembangunan belia melalui Skim Geran Penyelidikan dan Service Level Agreement (SLA) yang dapat menggalakkan penyelidikan bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, serta hasil dapatan yang berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik pembangunan belia.



**Objektif Strategik Keempat : Meningkatkan Sumber Pendanaan Penyelidikan Pembangunan Belia.**

STRATEGI	TINDAKAN/ AKTIVITI	INDIKATOR PENCAPAIAN	TAHUN SASARAN	SASARAN IMPAK	TANGGUNGJAWAB / RAKAN STRATEGIK
1. Meningkatkan sumber pendanaan penyelidikan pembangunan belia.	1. Mewujudkan dana geran penyelidikan 2. Memberi sebanyak 60 bantuan geran.	Jumlah kajian yang disempurnakan (20 ibantuan geran setahun).  Jumlah hasil kajian yang disebarluaskan.	2013-2015	Penambahan baharu rujukan pembangunan belia.	IPPBM dan Pusat-pusat rujukan.



## Objektif Strategik Kelima : Memantapkan Kapasiti Organisasi untuk Meningkatkan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan IPPBM.

Pendekatan kerjasama dalaman IPPBM amat penting dalam mengharungi cabaran dalam memantapkan kapasiti organisasi untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan IPPBM. Hasilnya, IPPBM akan mampu berperanan sebagai pusat rujukan terunggul dalam membentuk dan melaksanakan agenda pembangunan belia. Oleh itu, menerusi Objektif Strategik Kelima ini IPPBM telah menggariskan enam strategi iaitu memperkasa pembangunan sumber manusia dalam penyelidikan pembangunan belia; memperkuatkan sumber kewangan institusi; menubuhkan bank cadangan dan instrumen penyelidikan yang mantap; memantapkan jalinan kerjasama dan perkongsian pintar bersama institusi penyelidikan kerajaan, NGO, swasta dan sebagainya; serta meningkatkan pendedahan perkongsian maklumat di peringkat akar umbi melalui penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan.

Cabaran utama pada masa ini adalah dari segi pertambahan kajian dari semasa ke semasa. Keadaan ini memberi cabaran kepada anggota penyelidik yang sedia ada bagi memastikan hasil kajian yang dikeluarkan mempunyai impak kualiti penyelidikan yang berkesan. Maka dengan itu, IPPBM akan memperkasakan pembangunan sumber manusia dalam penyelidikan bagi memastikan peningkatan dari segi kualiti dan perkhidmatan penyelidikan sentiasa diutamakan.

Menerusi pelan strategik ini, IPPBM menyusun strategi untuk memperkuatkan sumber kewangan institusi dengan menjana pendapatan berterusan. Dengan melibatkan pelbagai bentuk aktiviti terutamanya teras fungsi, IPPBM mampu mewujudkan bisnes konsultansi dalam bidang tersebut dengan menggunakan khidmat pakar dari kerjasama pasukan pakar rujuk yang dilantik bersama penyelidik dalaman. Tuntutan nasional yang memerlukan bahan penyelidikan sebagai rujukan utama dalam membentuk agenda pembangunan belia membuka peluang IPPBM menjalankan aktiviti komersialkan penyelidikan dalam bentuk yang lebih menarik, ringkas dan padat dengan data mahupun informasi terkini.

Dalam usaha memartabatkan imej IPPBM di mata umum, YB. Menteri Belia dan Sukan telah mengumumkan nama popular IPPBM iaitu IYRES (*Institute of Youth Research*). Oleh itu, akronim IPPBM akan lebih segar dengan sebutan IYRES di samping membawa imej yang segar dalam dunia penyelidikan dan pembangunan belia.



## Objektif Strategik Kelima : Memantapkan Kapasiti Organisasi untuk Meningkatkan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan IPPBM.

STRATEGI	TINDAKAN/ AKTIVITI	INDIKATOR PENCAPAIAN	TAHUN SASARAN	SASARAN IMPAK	TANGGUNGJAWAB / RAKAN STRATEGIK
1. Memperkasa pembangunan sumber manusia dalam penyelidikan pembangunan belia.	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Menganjurkan program latihan pemantapan kakitangan dari aspek kebolehan perundingan untuk tindakan yang berkesan seperti latihan-latihan khusus (jangka pendek/panjang)</li> <li>2. Latihan kepada enumerator.</li> <li>3. Melahirkan penyelidik yang pakar (potential youth leaders) dalam menganalisis, serta menginterpretasikan data.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peningkatan dalam kemahiran kakitangan IPPBM yang dilantik.</li> <li>Mendapat penarafan 5 bintang dalam Penarafan Bintang MAMPU.</li> </ul>	2013-2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengukuran struktur organisasi.</li> <li>Mewujudkan generasi muda yang mempunyai inquiry mind.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>MAMPU</li> <li>KBS</li> <li>JPA</li> <li>SPA</li> <li>Kementerian kewangan</li> <li>Pemegang Taruh (stakeholders)</li> </ul>
2. Memperkuatkannya sumber kewangan institusi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Mengkomersialkan hasil kajian dan kepakaran penyelidikan dengan menubuhkan anak syarikat/tabung amanah untuk menjana pendapatan berterusan institut.</li> <li>2. Mewujudkan perkongsian pintar bersama penyumbang dana dan pemegang taruh (stakeholders) seperti mewujudkan perkongsian pintar termasuk sesi konsultansи bersama penyumbang dana yang berpotensi di peringkat nasional dan antarabangsa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah hasil penyelidikan yang diterbitkan untuk rujukan</li> <li>Jumlah kertas kerja yang berjaya dibawakan kepada penyumbang dana jumlah konsultansi atau perkongsian pintar yang berjaya dimeterai.</li> </ul>	2013-2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjadikan IPPBM berdaya saing, autonomi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pakar IPTA</li> <li>EPU</li> <li>Kementerian Kewangan</li> <li>KBS</li> <li>UNESCO</li> <li>CYP</li> <li>United Nation</li> </ul>
3. Menubuhkan bank cadangan dan instrumen penyelidikan yang mantap.	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Menyediakan kertas cadangan dan instrumen penyelidikan yang berkualiti seperti:</li> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Mengadakan bengkel secara berkala.</li> <li>2. Sinergi kepakaran mengikut bidang kumpulan pakar dalam menyediakan kertas cadangan penyelidikan yang berkualiti.</li> <li>3. Menyediakan data yang holistik dari segi literatur berkaitan belia.</li> </ul> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah kertas cadangan penyelidikan yang diterima.</li> </ul>	2013-2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peningkatan peluang mendapatkan kerja-kerja penyelidikan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ahli Lembaga Think Tank Pengaruh Penyelidik – penyelidik IPT Institut Sosial MAMPU EPU</li> </ul>

**Objektif Strategik Kelima : Memantapkan Kapasiti Organisasi untuk Meningkatkan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan IPPBM.**

STRATEGI	TINDAKAN/ AKTIVITI	INDIKATOR PENCAPAIAN	TAHUN SASARAN	SASARAN IMPAK	TANGGUNGJAWAB / RAKAN STRATEGIK
4. Memantapkan jalinan kerjasama dan perkongsian pintar bersama institusi penyelidikan kerajaan, NGO, swasta dan sebagainya.	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan hubungan kerjasama dan strategik dengan institusi penyelidikan</li> <li>Mempertingkatkan sumber, tanggungjawab, dan kepakaran dalam penyelidikan pembangunan belia.</li> <li>Mewujudkan satu jawatankuasa baru yang dianggotai oleh institusi penyelidikan dari pada agensi kerajaan &amp; swasta bagi tujuan penyelarasan kajian berkaitan pembangunan belia</li> </ol>	<p>Bilangan perjanjian MoU setiap tahun.</p> <p>Bilangan program kerjasama setiap tahun.</p>	2013-2015	Menjadi One-Stop-Centre hasil penyelidikan pembangunan belia untuk rujukan bersama rakan-rakan kongsi.	Semua kementerian di bawah Jawatankuasa Pembangunan Belia, NGO dan agensi swasta.
5. Meningkatkan pendedahan perkongsian maklumat di peringkat akar umbi melalui penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan laman perkongsian maklumat antara agensi berkaitan hasil penyelidikan &amp; data seperti facebook, twitter, blog, dan lain-lain.</li> <li>Mengadakan kempen-kempen kesedaran penyelidikan.</li> <li>Mengadakan Hari Terbuka IPPBM.</li> <li>Dicadangkan untuk rebranding IPPBM dari segi nama singkatan dan logo IPPBM salah satu cadangan adalah MyRec dalam bahasa Inggeris laitus Malaysia Youth Research.</li> </ol>	<p>Jaringan media sosial</p> <p>Bilangan Hari Terbuka IPPBM</p>	2013-2015	<p>Peningkatan imej IPPBM sebagai pusat penyelidikan terunggu.</p> <p>Laman perkongsian maklumat Pelaksanaan rebranding.</p>	<p>Kerajaan Tempatan, JBSN, JKKK/JKKP IPPBM / Stakeholder.</p> <p>IPPBM</p> <p>Logo dan nama singkatan yang baru bagi IPPBM.</p>

# KOD ETIKA

## IPPBM

Untuk menjadi warga IPPBM yang berdedikasi dan efektif, setiap warga mestilah:

01

Memahami dan menghayati misi, visi, objektif, fungsi dan struktur organisasi IPPBM;

02

Menerapkan serta mengamalkan nilai-nilai murni;

03

Memupuk dan mengamalkan budaya kerja berpasukan;

04


Komitded untuk menjadikan IPPBM sebagai sebuah organisasi yang cemerlang

05

Mengamalkan budaya kerja yang berkualiti;



Nilai-nilai etika yang menjadi teras kepada budaya kerja warga IPPBM terkandung dalam akronim ‘**IPPBM**’ itu sendiri iaitu:




---

**INTEGRITI** bermaksud mempunyai nilai – nilai murni yang asas serta akhlak serta sahsiah diri yang terpuji iaitu amanah, jujur, bersih, ikhlas, berdisiplin dan beriman. Integriti merangkumi perkara berikut :

i. **Kejujuran**

Memartabatkan kemuliaan, penerimaan, kerahsiaan, dan memiliki suci hati dalam melaksanakan amanah yang diberikan.

ii. **Akauntabiliti**

Sentiasa bertanggungjawab, bersemangat cekal, tabah dan sabar menghadapi apa jua cabaran demi kepentingan organisasi.

iii. **Utuh**

Nilai, tingkah laku serta keperibadian seseorang yang menjurus kepada ciri-ciri yang bermoral dan beretika.

## PROAKTIF

bermaksud mempunyai keupayaan untuk bertindak secara sistematis atau melakukan sesuatu tugas dengan cepat tanpa menunggu arahan terlebih dahulu dan mampu menghasilkan kerja yang produktif. Nilai-nilai sekunder berikut perlu diamalkan:

### i. Produktif

Sentiasa menghasilkan sesuatu secara konsisten sekurang-kurangnya menyamai sasaran yang telah ditetapkan dan hasil yang dikeluarkan pula tetap berkualiti.

### ii. Cepat

Melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab dengan segera tanpa membuang masa dan selaras dengan sasaran (tempoh) yang ditetapkan.

### iii. Sistematis

Menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sistematis, teratur dan berkesan menggunakan sumber-sumber yang ada demi menjaga kualiti perkhidmatan awam.

## BEKERJASAMA

sebagai satu pasukan berpandukan semangat kekitaan dan komitmen yang tinggi untuk melaksanakan tugas secara bertanggungjawab, adil dan saksama. Berikut adalah nilai sekunder yang perlu diamalkan:

### i. Komitmen

Sentiasa mempunyai iltizam untuk melaksanakan kerja dengan penuh rasa tanggungjawab, bersungguh-sungguh dan tekun.

### ii. Kekitaan

Memupuk semangat bantu membantu serta bekerja sebagai satu pasukan dengan mendahulukan matlamat/kepentingan organisasi (IPPB) daripada individu di samping mencapai kejayaan serta kecemerlangan bersama dalam konteks ‘a win-win situation’.

### iii. Saksama

Setiap warga IPPBM hendaklah sentiasa prihatin, bersikap penyayang, adil dan saksama terhadap sesiapa sahaja serta sentiasa memberi layanan yang ramah dan mesra.

## MAMPAN

bermaksud mampu mengekalkan pencapaian atau prestasi yang baik dan juga berkemampuan menghasilkan kerja yang cemerlang dan berkualiti serta dapat mentafsir maklumat dengan tepat mengikut sekunder seperti berikut:

### i. Cemerlang

Sentiasa berusaha menghasilkan kerja yang bermutu tinggi dan mengekalkan pencapaian secara konsisten sesuai dengan konsep ‘kaizen’.

### ii. Berkualiti

Menghasilkan sesuatu kerja dengan bermutu dan sentiasa ditahap yang tinggi sehingga memuaskan hati semua pihak.

### iii. Tepat

Berkemampuan untuk mentafsir sesuatu dengan tepat dan jelas di samping menghasilkan sesuatu kerja (dasar serta strategi pembangunan dengan betul).

# HALATUJU PELAN STRATEGIK

IPPB M

01

Sebagai sebuah badan rujukan yang unggul berasaskan penyelidikan dan pangkalan data belia yang utama.

02

Menjadi sebuah agensi yang berupaya untuk menjana pendapatan sendiri.

03

Memperluaskan skop perkhidmatan dan kapasiti IPPBM melalui pengembangan serta memantapkan penyampaian sumber manusia.



## PENUTUP

Pelan Strategik IPPBM, menggariskan strategi dan pelan tindakan yang perlu dilaksanakan dalam tempoh 2013 – 2015 bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Pelan strategik ini memberi tumpuan kepada 5 objektif strategik sebagai panduan bagi memastikan IPPBM dapat melaksanakan fungsi secara cekap dan berkesan. Kejayaan pelan ini bergantung kepada iltizam setiap warga IPPBM dalam melaksanakan pelan tindakan yang telah dirangka bagi memastikan IPPBM menjadi institusi penyelidikan dan pusat rujukan ternama mengenai belia.

